



Telefon : 088-369997 TSKN (D)
: 088-369000 PABX

Faks : 088-262198
: 088-257091



PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI (PEMBANGUNAN)
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 25, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Ruj./Ref. : TSKN(D)(JKM): 100-27/40 (167)
Tarikh/Date : 12 Mac 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PERINGATAN MENGENAI PENGGUNAAN KEMUDAHAN INTERNET UNTUK TUJUAN URUSAN RASMI SAHAJA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Kemudahan capaian Internet melalui rangkaian Sabah.Net disediakan di semua pejabat Kerajaan bertujuan untuk memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Sehubungan, adalah amat penting untuk memastikan agar rangkaian Sabah.Net ini berada dalam keadaan optimum pada setiap masa.
3. Namun demikian, dukacita didapati masih wujud segelintir kakitangan awam yang menyalahgunakan kemudahan ini dengan melaksana aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan prestasi rangkaian seperti menggunakan kemudahan tersebut untuk tujuan peribadi, memuat turun fail secara tidak sah, mengakses media sosial dan untuk urusan bukan rasmi pada waktu pejabat. Aktiviti seperti ini bukan sahaja menjejaskan prestasi rangkaian Sabah.Net tetapi juga boleh mengancam keselamatan siber Kerajaan.
4. Sehubungan dengan itu, semua anggota perkhidmatan awam negeri adalah **diperingatkan untuk menggunakan kemudahan Internet yang disediakan hanya untuk tujuan urusan rasmi sahaja selaras dengan Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam Negeri**. Pemantauan penggunaan kemudahan internet oleh pentadbir rangkaian Sabah.Net akan sentiasa dijalankan dan laporan penggunaan dihantar secara berkala kepada setiap kepada Ketua jabatan / Agensi. Adalah disarankan agar Ketua Jabatan / Agensi sentiasa memantau penggunaan kemudahan internet di kalangan kakitangan jabatan / Agensi masing-masing dan **mengambil tindakan yang bersesuaian selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 ke atas kakitangan yang menyalahi peraturan ini.**

.../2

"SABAH MAJU JAYA"


Ruj : TSKN(D)(JKM): 100-27/40 ((~~CS~~))
Tarikh : 21 Mac 2021

**PERINGATAN MENGENAI PENGGUNAAN KEMUDAHAN INTERNET UNTUK TUJUAN
URUSAN RASMI SAHAJA**

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK FREDIAN GAN @ GAN EN SIONG
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Merangkap
Ketua Pegawai Maklumat Negeri

s.k. : Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Setiausaha Tetap
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
Aras Bawah, 6, 8-11 dan 13
Wisma Bandaraya
Jalan Masjid Lama
Beg Berkunci 138
88000 KOTA KINABALU

Pengarah Urusan
Sabah Net Sdn. Bhd.
1B, Ground Floor, Likas Square Commercial Centre,
1, Lorong Likas Square, Jalan Istiadat Likas,
88400 KOTA KINABALU

"SABAH MAJU JAYA"